



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia



Program Randau merupakan aktiviti tahunan anjuran Nursing Students' Association (NUSAS), Fakulti Sains Kesihatan (Kejururawatan) sebagai tanda 'selamat datang' kepada pelajar baru semester 1. Program ini diadakan untuk memberi peluang kepada mereka untuk mengenali tenaga pengajar secara lebih santai di samping berkenalan dengan para pelajar semester 3 dan semester 5 semester ini. Pelbagai aktiviti dijalankan untuk mengeratkan silaturahim dan memupuk kerjasama antara pelajar dan tenaga pengajar.

Program ini telah diadakan pada hari Sabtu 29 Oktober 2022 iaitu minggu ketiga semester Oct-Feb 2022. Antara pengisian program ini ialah pendaftaran para peserta seawal jam 7 pagi. Turut hadir ialah penyelarass fakulti iaitu Puan Dorothy dan para tenaga pengajar.

Acara dimulakan pada jam 8 pagi dengan persembahan gimik seorang pelajar berteriak seperti hilang akal menyebabkan semua hadirin terkejut dan sedikit risau. Akhirnya pengacara majlis menjelaskan bahawa semua ini hanya lakonan untuk memberi gambaran bahawa pandemik membawa perubahan besar dari segi kesihatan mental dalam kalangan masyarakat yang mana sangat bersesuaian dengan tema randau kali ini iaitu Pandemic Changed the Society.

Laporan Program Randau bersama Pelajar Baru Semester 1, Fakulti Sains Kesihatan (Kejururawatan), UiTM Cawangan Sarawak

Disediakan oleh:

Bodis Francis Ninggoi, Dorothy Kulai, Squiter Macroy Wilsom Mukan, Lau Li Li, Frannelya Francis dan Lyidia Dahlia binti Dahlan

Acara diteruskan dengan ikrar Perintis Kejururawatan (Florence Nightingale) oleh Presiden NUSAS. Kemudian acara terus berlangsung dengan ucapan dari presiden dan penasihat NUSAS serta penyelarass fakulti Puan Dorothy dan seterusnya merasmikan aktiviti Randau pada hari tersebut dengan simbolik pemotongan reben.

Acara diteruskan dengan memperkenalkan semua tenaga pengajar, program buddy untuk pelajar Semester 1 dan Semester 3 serta semua aktiviti persatuan sepanjang tahun melalui tayangan slaid.

Seramai 36 orang pelajar semester 1 telah dijemput untuk naik ke pentas seorang demi seorang memperkenalkan diri dan salah satu yang menjadi tumpuan semua hadirin adalah jawapan mereka kepada satu soalan "Kenapa Memilih Bidang Kejururawatan?". Pelbagai jawapan yang diberikan turut menyirikan suasana ketika itu.

Selepas itu, persembahan dari Semester 1, 3 dan 5 menyirikan lagi suasana dengan persembahan tarian Bollywood yang sangat menarik bersama iringan musik.

Di akhir program, para pelajar pos Semester 6 yang masih menjalani latihan industri kerana kesan dari pandemik

Covid-19 telah dijemput untuk berkongsi pengalaman pahit manis sepanjang 3-4 tahun pengajian. Tidak kurang juga yang menitikkan airmata kerana terharu mengenang kesukaran yang dilalui dan juga kerana berjaya mengharungi dugaan sehingga tamat pengajian.

Program bersurai pada jam 12.20 tengah hari dengan sedikit jamuan ringan untuk semua hadirin. Semoga penganjuran program sebegini dapat menyuntik semangat untuk terus maju dan saling bantu membantu dalam kalangan para pelajar dan tenaga pengajar.

